



Penduduk melakukan aktiviti memproses daun mengkuang di Kampung Bentan, Kuala Pahang, Pekan.

TIKAR hidup semula industri mengkuang

UPM pilih Kampung Bentan untuk pulihara warisan daripada pupus

Suatu ketika dahulu, setiap rumah di negara ini sudah pasti mempunyai sekurang-kurangnya satu barangan daripada mengkuang seperti tikar, tudung saji, beg atau bakul mengkuang.

Produk yang pernah mendapat kedudukan istimewa dalam kalangan masyarakat itu dihasilkan oleh penganyam yang mempunyai ketekunan dan kesabaran yang tinggi kerana ia perlu menjalani proses yang rumit dan teliti.

Seiring perkembangan semasa, industri mengkuang semakin terpinggir berikutan kemunculan pelbagai barangan yang dapat menggantikan peranannya seperti tikar getah, permaidani dan tudung saji plastik.

Ia menjadi pilihan masyarakat dahulu kerana sumber mentahnya mudah didapati, iaitu daripada pokok mengkuang atau nama saintifiknya ialah *Pandanus atropocarpus* yang tumbuh meliar di kawasan lembang dan berpayu seperti di tepi sawah padi, tali air, paya dan sungai.

Walaupun daun mengkuang berbentuk tirus memanjang dan berdiri pada bahagian tepi daun, sifat daunnya yang panjang dan lasak serta mempunyai ciri seperti buluh dan rotan, iaitu tahan lama dan semakin

berkilat bila semakin lama digunakan menjadikan ia pilihan untuk menghasilkan barang kraf tangan.

Industri tiada generasi pelapis
Bagaimanapun, kesukaran menghasilkan mengkuang juga dikatakan menyumbang kepada kepupusan industri berkenaan, selain kematian pakar anyaman tanpa mempunyai generasi pelapis.

Pokok mengkuang yang berduri, hidup dalam paya dan proses menghasilkan tikar mengkuang yang agak lama menyebabkan generasi muda tidak berminat untuk meneruskan warisan berkenaan. Ia juga disumbang oleh masalah penghijrahan generasi muda ke bandar untuk mencari penghidupan yang lebih baik.

Selain itu, sikap masyarakat diketakan yang tidak tahu menghargai produk mengkuang dengan sering menawar untuk mendapatkannya pada harga murah menyebabkan generasi muda tidak berminat dan berasa tidak berbaloi untuk berada dalam industri berkenaan.



Ketua Jabatan Reka Bentuk Perindustrian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Nazlina Shaari, berkata menyedari masalah yang dihadapi industri mengkuang di negara ini pada masa ini, pihaknya berusaha membangunkan semula industri berkenaan dalam reka bentuk yang baharu.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihaknya memilih Kampung Bentan, Kuala Pahang di Pekan, Pahang yang pernah terkenal dengan industri berkenaan, kira-kira 30 tahun dahulu untuk menjalankan projek komuniti yang dinamakan sebagai TIKAR (Transformasi, Inovasi, Konservasi dan Apresiasi Reka Bentuk).

Tak eksploitasi sumber

Katanya, kampung itu didapati kaya dengan sumber mentah iaitu mengkuang dan pandan laut, tetapi tidak dieksploitasi sepenuhnya dengan sebahagian generasi muda di situ diketakan tidak tahu mengenai kepentingan tumbuhan berkenaan. "Kajian UPM sebelum ini menda-

“Menyedari masalah dihadapi industri mengkuang pada masa ini, UPM berusaha bangunkan semula industri ini dalam reka bentuk baharu”

Nazlina Shaari,
Ketua Jabatan Reka Bentuk Perindustrian UPM



Penduduk memilih mengkuang terbaik supaya daun tidak mudah layu dan patah ketika proses menjangka serta melurut dilakukan.

pati hanya tinggal empat pakar anyaman mengkuang yang masih terdapat di Kampung Bentan dengan semuanya berusia antara 50 dan 70 tahun tanpa mempunyai pelapis dalam kalangan generasi muda.

"Ramai penganyam di kampung itu 'hilang' sama ada sudah berhijrah ke kawasan lain, meninggal dunia atau berhenti menganyam berikutan kurangnya permintaan terhadap produk mengkuang di pasaran.

"Oleh itu, kami memilih kampung ini untuk melakukan projek komuniti selama satu tahun bermula Februari tahun lalu untuk memulihara



Khairul Aidil Azlin (tengah) menunjukkan perabot berasaskan daun mengkuang pada pameran Projek TIKAR di Kuala Lumpur; baru-baru ini. (FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH)

industri berkenaan," katanya ketika ditemui pada pameran Projek TIKAR sempena Pameran Perabot Eksport 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Projek komuniti yang dijalankan oleh pensyarah dan pelajar Jabatan Reka Bentuk Perindustrian UPM itu mendapatkan kerjasama penghulu kampung berkenaan serta Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kuala Pahang.

Nazlina berkata, sepanjang projek berkenaan, pihaknya mengajar

Sebahagian perabot berasaskan mengkuang dipamerkan pada pameran Projek TIKAR sempena Pameran Perabot Eksport 2016.



penduduk kampung mengenai cara anyaman mengkuang yang paling sesuai untuk diaplikasi pada masa kini.

Ubah warna, motif mengkuang
Beliau berkata, pihaknya masih mengekalkan dari segi proses menghasilkan mengkuang, tetapi melakukan perubahan dari segi warna dan motif.

"Kami cuba mengajar penduduk kampung menghasilkan warna yang baik, mengikut trend semasa dan menghasilkan motif baharu. "Fokus kita mendapatkan satu motif asli untuk kawasan berkenaan dan ia menjadi satu penanda aras. Kita cuba mendidik mereka supaya anyaman mengkuang Kampung Bentan mempunyai identiti sendiri," katanya.

"Selain diajar menganyam mengkuang dengan menggunakan motif dan warna yang baharu, kami juga mengajar menggunakan teknik tampal cantum (patchwork).

"Penduduk sebelum ini hanya membuat anyaman berdasarkan apa yang mereka tahu. Kami cuba memodenkan motif tetapi masih mempunyai elemen mengkuang di dalamnya," katanya.

Untuk video, layari
www.bharian.com.my

Anyaman perabot serlah identiti Malaysia pikat pengimport

Projek TIKAR (Transformasi, Inovasi, Konservasi dan Apresiasi Reka Bentuk) adalah satu projek komuniti oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Jabatan Reka Bentuk Perindustrian dengan masyarakat Kampung Bentan di Kuala Pahang, Pahang.

Projek yang dijalankan selama setahun berakhir bulan lalu itu bertujuan membangunkan kembali kemahiran menganyam dalam kalangan masyarakat serta cuba menaikkan semula industri mengkuang dengan mengaplikasi reka bentuk dalam bentuk perabot.

Ketua Projek Komuniti TIKAR, Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman, berkata melalui projek komuniti TIKAR itu, pihaknya melihat kepada empat aspek iaitu transformasi, inovasi, konservasi dan apresiasi reka bentuk.

Beliau berkata, transformasi bermakna mengubah ekonomi dengan menjana pendapatan penduduk kampung tanpa perlu berhijrah ke kawasan lain melalui penggunaan sumber alam yang ada di sekeliling mereka.

Inovasi pula ialah melihat reka bentuk baharu dari segi motif, warna, cara anyaman dan kaedah pengeluaran tikar yang lebih moden serta tidak melihat tikar hanya sebagai tempat duduk.

"Konservasi pula ialah menurunkan ilmu anyaman oleh pakar anyaman kepada generasi muda untuk dijadikan pelapis penganyam dalam industri mengkuang.

"Apresiasi reka bentuk pula menggunakan tikar mengkuang untuk diaplikasi kepada produk bernilai tinggi seperti produk perabot dan aksesori dalaman," katanya.

Diminta mengulas mengenai kejayaan projek berkenaan, Khairul Aidil Azlin berkata, ia dianggap sebagai menjadi bagi pihak UPM tetapi usaha untuk melahirkan lebih ramai penganyam muda belum cukup menggalakkan.

Lahirkan enam penganyam muda

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya berjaya melahirkan enam penganyam muda berusia antara 17 dan 35 tahun dan mungkin memerlukan masa lebih panjang untuk melahirkan lebih ramai penganyam di kampung berkenaan.

"Penduduk kampung mungkin tidak tahu sambutan ke atas produk mengkuang adalah sangat menggalakkan di bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan di luar negara, pada masa kini," katanya.

Selain itu, Khairul Aidil Azlin berkata, inovasi warna dengan menggunakan warna yang lebih kontemporari seperti warna pastel menyebabkan produk mengkuang juga kini lebih disukai ramai.

Beliau berkata, kebanyakan pakar anyaman mulanya merungut apabila diminta menggunakan warna pastel kerana sudah biasa dengan warna terang seperti merah, kuning dan hijau tetapi akhirnya mengakui warna baharu yang

diperkenalkan adalah lebih menarik. "Penggunaan mengkuang ke atas produk bernilai tinggi seperti perabot dan aksesori dalaman pula memberikan nilai tambah kepada mengkuang.

"Dengan penggunaan sedikit mengkuang, ia menyerlahkan sesuatu perabot. Oleh itu, penduduk kampung mampu menjana pendapatan yang lebih banyak dengan hanya membuat kerja yang sedikit," katanya.

Sementara itu, Khairul Aidil Azlin berkata, pihaknya melihat pasti penggunaan anyaman mengkuang dalam konteks permukaan perabot mampu meletakkan perabot yang beridentiti Malaysia.

Beliau berkata, sebelum ini, usaha menonjolkan perabot beridentiti Malaysia melalui kerawang serta penggunaan batik sukar dilakukan kerana masih ada yang terkeliru dengan mengagapnya sebagai produk Indonesia.

"Negara ASEAN mempunyai persaingan yang tinggi dari segi identiti kerana mempunyai budaya serantau yang hampir sama.

"Bagaimana pun, apabila kami menunjukkan penggunaan mengkuang ke atas perabot Malaysia, pengimport perabot dari luar negara menyukainya dan bersetuju mengkuang adalah tradisi Malaysia dan mampu menjadi identiti kepada negara ini," katanya.

Proses hasil produk mengkuang

Daun mengkuang diambil pada awal pagi atau lewat petang supaya daun tidak mudah layu dan patah ketika proses

menjangka serta melurut dilakukan. Daun kemudian dipotong sama panjang dengan membuang bahagian hujung yang tirus sebelum dilurur atas api bagi melembutkannya supaya tidak mudah patah ketika proses membuang duri.

Proses menjangka dilakukan iaitu menjadikan daun kepada beberapa lembar kecil dengan menggunakan alat jangka diperbuat daripada kepingan kayu dicuik beberapa batang besi kecil dalam jarak sama sebagai mata pemotong.

Daun kemudian dilurut sebelum diikat menjadi berkas dan diketuk bagi melembutkannya diikuti diredam di dalam bekas takungan atau sungai bagi membuang warna asal daun mengkuang.

Daun dikeringkan dengan cara menjemur di bawah cahaya matahari. Proses pewarnaan daun dilakukan dengan cara mencelur daun dalam air mendidih yang diwarnakan selama 20 minit sebelum dibilas dan dijemur.

Selepas kering, daun perlu dilurut kembali bagi melembutkannya sebelum disimpan dan sedia untuk dianyam menjadi tikar, tudung saji atau bakul.



Khairul Aidil Azlin menunjukkan perabot yang dihasilkan daripada mengkuang.